

TAKSONOMI KATA PINJAMAN ARAB-MELAYU DARI ASPEK GRAMATIKAL

Mohammad Fadzeli JAAFAR*¹

Indirawati ZAHID²

Noorazlin ABU BAKAR³

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

^{2,3}Universiti Malaya, Malaysia

fadzeli@ukm.edu.my

indirawati@um.edu.my

noorazlin@um.edu.my

Manuscript received 20 June 2023

Manuscript accepted 9 May 2024

**Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.5773.2024>

ABSTRAK

Peminjaman bahasa berlaku kerana faktor sosial atau gramatikal. Faktor sosial merujuk kepada sikap penutur, sementara faktor gramatikal berkaitan dengan aspek tatabahasa. Makalah ini membincangkan kata pinjaman Arab ke dalam bahasa Melayu dari aspek gramatikal. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkategorikan kata pinjaman Arab berdasarkan kelas kata dan menghuraikan faktor peminjaman bahasa, misalnya peminjaman budaya dan peminjaman teras. Kajian ini menggunakan Kamus Dewan Perdana (2021) yang mempunyai lebih daripada 120 ribu entri. Kajian ini menggunakan kaedah sekunder dan rujuk silang untuk mengenal pasti kata pinjaman Arab yang terdapat dalam kamus. Hasil kajian mendapati kata nama adalah yang terbanyak dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini telah membahagikan kelas kata pinjaman Arab-Melayu kepada tiga kategori, iaitu (1) kata pinjaman kekal, (2) kata pinjaman berubah, dan (3) kata pinjaman bercampur. Selain itu, terdapat sejumlah kata pinjaman Arab yang telah dikategorikan secara tidak tepat dalam bahasa Melayu, misalnya “hujah”, “muktamad” dan “rela”. Lebih menarik lagi, kajian mendapati kebanyakan perkataan Arab yang dipinjam ialah jenis pinjaman budaya, iaitu objek atau konsep baru, yang tidak wujud dalam budaya Melayu. Kajian ini telah menyumbang kepada taksonomi kata pinjaman Arab-Melayu berdasarkan data korpus.

Kata Kunci: sosial; gramatikal; taksonomi; peminjaman budaya; peminjaman teras

TAXONOMY OF ARAB-MALAY LOANWORDS FROM GRAMMATICAL ASPECTS

ABSTRACT

*Language borrowing occurs due to social or grammatical factors. The social factor refers to the speaker's attitude, while the grammatical factor is related to grammatical aspects of the language. This paper will discuss Arabic loan words in Malay from a grammatical aspect. This study aims to categorise Arabic loanwords based on word class and explain the factors of language borrowing, such as cultural and core borrowing. The data for this study are the Kamus Dewan Perdana (2021) which has more than 120 thousand entries. This study applies secondary and cross-reference methods to identify Arabic loanwords in the Dewan Perdana. The results of show that nouns are the most borrowed into the Malay language. This study has divided the class of Arabic-Malay loanwords into three categories: (1) retained loanwords, (2) unretained loanwords, and (3) mixed loanwords. In addition, several Arabic loanwords have been incorrectly categorised in Malay, such as *hujah*, *muktamad* and *rela*. More interestingly, this study found that most of the borrowed Arabic words are cultural borrowing, that is, new objects or concepts, which do not exist in Malay culture. This study has contributed to the taxonomy of Arabic-Malay loanwords based on corpus data.*

Keywords: *social; grammatical; taxonomy; cultural borrowing; core borrowing*

Pengenalan

Peminjaman bahasa merujuk kepada proses mengambil atau mengimport item daripada sistem linguistik bahasa lain; proses melibatkan dua budaya yang saling berhubung melangkaui period masa (Bates, 2002). Jumlah kata yang dipinjam oleh sesuatu bahasa bergantung kepada hubungan dan pengaruh bahasa yang dipinjam. Misalnya, bahasa Tagalog di Filipina lebih banyak meminjam perkataan bahasa Sepanyol berbanding dengan bahasa Inggeris kerana negara ini pernah dijajah oleh negara tersebut (Haja Mohideen, 2006). Situasi di Malaysia pula berbeza kerana penjajahan Inggeris telah menyebabkan bahasa Inggeris lebih banyak dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Bahasa Inggeris juga merupakan bahasa perhubungan luas (*language of wider communication*), maka tidak hairanlah bahasa Inggeris lebih dominan peminjamannya di Malaysia. Kini bahasa Arab semakin banyak dipinjam ke dalam kosa kata bahasa Melayu. Dalam hal ini, Jones (2008) menyatakan bahawa:

Although most of the vocabulary of Sanskrit origin in Malay appears to have been introduced in the context of bureaucratic, religious and cultural practice, trade may also have been a factor from the beginning. After the introduction of Islam, Arabic and Persian displaced Sanskrit as donors of loanwords to Malay. (hlm. xxii)

Pernyataan tersebut menjelaskan bahawa sebelum kedatangan Islam, bahasa Melayu banyak meminjam daripada bahasa Sanskrit dalam pelbagai konteks, misalnya pentadbiran, agama, budaya dan perdagangan. Namun begitu, selepas kedatangan Islam ke Nusantara pada abad ke-14, bahasa Arab dan Parsi telah menggantikan bahasa Sanskrit sebagai penyumbang utama kata pinjaman. Hal yang hampir sama turut disebut oleh Mohd Shariff (1988), iaitu abad ke-13 dan ke-14 merupakan zaman surutnya pengaruh peradaban Hindu dan berkembangnya pengaruh peradaban Islam di Nusantara. Dalam perkataan lain, unsur-unsur Hindu telah digantikan dengan unsur-unsur Islam, khususnya melalui kemasukan perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu, yang berkaitan dengan agama, politik, falsafah dan moral. Hakikatnya, kata pinjaman Arab merupakan penyumbang kedua selepas bahasa Sanskrit (Abas et al., 2019; Mansor, 2017). Menurut Beg (1979), terdapat hampir 2,000 perkataan Arab yang termaktub dalam kamus Melayu. Beliau telah mengelaskan perkataan Melayu yang dipinjam daripada bahasa Arab berdasarkan beberapa tajuk atau aspek seperti keagamaan, kebudayaan, perundangan, bahasa, ekonomi, kemasyarakatan, politik, alam semula jadi, pentadbiran, dan perubahan.

Secara umum, kemasukan kata pinjaman boleh dijelaskan berdasarkan dua aspek, iaitu aspek sosial dan gramatikal (Haspelmath, 2009). Aspek sosial merujuk kepada faktor sikap penutur terhadap bahasa penyumbang (*donor language*) yang mempunyai prestij, misalnya bahasa Inggeris. Aspek gramatikal pula berkaitan isu tatabahasa, misalnya kelas kata yang banyak dipinjam oleh sesuatu bahasa.

Makalah ini membincangkan aspek gramatikal kata pinjaman Arab-Melayu, yang melibatkan kategori kelas kata. Perbincangan dalam makalah ini tertumpu pada taksonomi, iaitu pengkategorian kata pinjaman bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

Sorotan Literatur

Setakat ini telah banyak kajian tentang kata pinjaman bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu dilakukan oleh pengkaji tempatan. Kajian lepas tertumpu pada pelbagai aspek, misalnya penguasaan bahasa, fonologi, morfologi dan semantik. Misalnya, Sapar et al. (2013) mengkaji penguasaan pelajar sekolah terhadap kata pinjaman bahasa Arab berdasarkan pengetahuan sedia ada. Subjek kajian terdiri daripada 150 orang pelajar tingkatan empat dan melibatkan tiga sekolah aliran agama. Kajian tersebut menggunakan kaedah ujian pengesanan perkataan bahasa Arab yang telah diserap ke dalam bahasa Melayu. Sebanyak 25 perkataan bahasa Arab dan 25 perkataan bahasa Melayu yang terdapat dalam buku teks bahasa Arab diuji kepada pelajar. Pengkaji telah membahagikan kata pinjaman Arab kepada pinjaman tulen dan pinjaman kacukan atau ubah suai. Kata pinjaman tulen dikategorikan sebagai pinjaman serupa, iaitu bentuk bahasa sumbernya tidak berubah ke dalam bahasa sasaran. Kata pinjaman kacukan atau ubah suai pula diletak dalam kategori pinjaman hampir serupa, iaitu bentuk bahasa sumbernya telah berubah sebahagiannya, sama ada dari segi makna atau bunyi. Hasil kajian menunjukkan sejumlah 87.52% pelajar berjaya mengecam kata pinjaman Arab. Pencapaian yang tinggi ini dibantu oleh latar belakang pelajar, yang telah mempelajari bahasa Arab.

Seterusnya, Mohamad Din dan Baharudin (2016) mengkaji strategi meneka makna kata dalam al-Quran melalui kata pinjaman Arab, dan telah mengklasifikasi

kata pinjaman mengikut jenisnya berdasarkan surah *as-Sajdah* dan *Yaseen*. Keseluruhannya, pengkaji menemui 94 (25.54%) dan 166 (23.18%) kata pinjaman dalam kedua-dua surah tersebut. Berdasarkan makna, didapati wujudnya tiga jenis kata pinjaman Arab, iaitu:

- 1) Kata serapan sepenuh (kaum, azab),
- 2) Penyempitan makna (nafsu/orang, jiwa; rahim atau organ pada perempuan/pengasih), dan
- 3) Perubahan separa (kata/berkata; pesanan terakhir, wasiat/wasiat).

Zakaria et al. (2017) pula mengkaji penggunaan kata pinjaman dalam puisi Melayu. Menurut mereka, penggunaan kata pinjaman Arab yang tidak tepat boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Teks kajian mereka ialah antologi puisi Sumur Mahmudah oleh Ony Latifah Osman yang diterbitkan pada tahun 2006. Hasil kajian mendapati bahawa kata pinjaman Arab dapat dikategorikan kepada dua jenis, iaitu:

- 1) kata pinjaman yang tepat dengan makna asal (hijab, baqa', ukhrawi)
- 2) kata pinjaman yang tersasar daripada makna asal (nawaitu, takrir)

Dalam konteks kata pinjaman bahasa Arab yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu, Zakaria et al. (2017) telah mengkategorikan kata pinjaman kepada tiga jenis, iaitu:

- 1) Perkataan Arab yang mengekalkan bunyi dan makna asal seperti "alim", "majlis", "masjid" dan "hakim".
- 2) Perkataan Arab yang mengekalkan bunyi asal, tetapi berlainan maksud seperti perkataan "pondok" bermaksud "hotel" dalam bahasa Arab, tetapi merujuk kepada "pondok" juga dalam bahasa Melayu atau perkataan "pinggan" dalam bahasa Arab bermaksud "cawan", tetapi dalam bahasa Melayu bermaksud "pinggan".
- 3) Perkataan Arab yang mengekalkan bunyi asal, tetapi mengalami perubahan sebahagian daripada maksudnya seperti perkataan "alamat" dalam bahasa Arab bermaksud "tanda", manakala dalam bahasa Melayu bermaksud "alamat". Perkataan "maktab" dalam bahasa Arab bermaksud "pejabat" atau "meja", manakala dalam bahasa Melayu bermaksud "institusi".

Berdasarkan kategori yang dinyatakan, dapat dirumuskan bahawa kata pinjaman Arab yang menyerap masuk dalam bahasa Melayu melibatkan aspek fonologi dan semantik. Aspek fonologi merujuk kepada sistem bunyi perkataan, yang secara umum dikekalkan sebagaimana bunyi asalnya. Aspek semantik pula memperlihatkan beberapa situasi, iaitu pengekalan makna asal, perubahan makna seluruhnya atau perubahan makna sebahagiannya.

Selanjutnya, Abdullah dan Abdullah (2018) meneliti proses perubahan kelas kata pinjaman Arab ke dalam bahasa Melayu berdasarkan data korpus DBP-UKM. Hasil kajian mendapati kelas kata dalam bahasa asal telah berubah ke dalam bahasa

Melayu, misalnya kata “kuat” dalam bahasa Arab ialah kategori kata nama terbitan (*al-Masdar*). Kata akar “kuat” berasal daripada kata kerja lampau (*qawiya*). Dalam bahasa Melayu, penggunaan kata “kuat” ini boleh berubah kelas katanya mengikut ayat, misalnya:

- 1) adjektif: paling *kuat*
- 2) adverbs: bekerja *kuat*
- 3) kata kerja: meng(*kuat*)kan

Mat Lazim dan Syed Jaafar (2018) pula mengkaji isu kata pinjaman bahasa Arab dalam dialek Kelantan, dengan tumpuan khusus kepada proses delikuidasi. Kajian tersebut menggunakan kaedah senarai kata, iaitu sebanyak 46 perkataan diuji kepada 15 orang penutur dialek Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa konsonan /l/ dan /r/ pada akhir kata kata pinjaman bahasa Arab akan digugurkan, misalnya “awal” menjadi [a.wa] dan “sabar” menjadi [sa.ba].

Selanjutnya, Nisa (2018) meneliti pergeseran bahasa Arab dalam komuniti Arab Singaraja dan Denpasar. Informan kajian berumur 50 tahun ke atas telah dirakam percakapan mereka secara formal dan informal. Hasil kajian mendapati kata pinjaman Arab dapat dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu:

- 1) pemasukan morfem tanpa substitusi (*loanwords*), contohnya *abi umi* dan *hadiah*
- 2) substitusi morfem berserta pemasukan (*loanblends*), contohnya *yasir* menjadi *yasiran*, *qahwah* menjadi *gahwah*
- 3) substitusi morfem tanpa pemasukan (*loanshifts*), contohnya *fudhul*, *syughul*

Mulyani dan Mohd Nor (2018) seterusnya mengkaji pengaruh kata pinjaman Arab terhadap orang Melayu. Kajian mereka tertumpu pada kata pinjaman Arab yang terdapat Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia. Hasil kajian mendapati bahawa orang Melayu serupa dengan muslim kerana ramai yang menggunakan nama Arab, misalnya Adam, Hawa, Muhammad, Siti Hajar dan Khadijah. Kata pinjaman Arab juga digunakan dalam pelbagai bidang, seperti undang-undang (hukum, hakim) dan pendidikan (kuliah, madrasah). Kajian terkini tentang kata pinjaman Arab dilakukan oleh Al-Jarf (2021). Tujuan kajian tersebut adalah untuk membantu pelajar Arab di Malaysia mempelajari bahasa Melayu melalui pelbagai korpus seperti surat khabar, sari kata filem, nama jalan, kamus dan *internet website*. Al-Jarf membandingkan fonologi dan semantik bahasa Arab dengan bahasa Inggeris. Hasil kajiannya mendapati kebanyakan kata pinjaman Arab mengekalkan makna yang sama dalam bahasa Melayu, kecuali beberapa perkataan, misalnya “menara” yang bermaksud *minaret* atau *beacon* dalam bahasa Arab.

Berdasarkan huraian ini, dapat dirumuskan bahawa kajian lepas lebih tertumpu pada aspek fonologi dan semantik. Proses peminjaman bahasa Arab turut melibatkan aspek sintaksis, iaitu pengejalan atau perubahan kelas kata. Sehubungan dengan itu, kajian ini membincangkan isu peminjaman kata Arab ke dalam bahasa

Melayu dari sudut gramatikal, dan faktor peminjaman bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah sekunder untuk mengekstrak kata pinjaman Arab dalam Kamus Dewan Perdana (KDP). Pengekstrakan data ini dilakukan terhadap entri yang berlabel “Ar” dan tidak berlabel “Ar”. Label “Ar” bermaksud kata pinjaman berasal daripada bahasa Arab. Selanjutnya, kajian ini menggunakan kaedah rujuk silang untuk perkataan yang tidak berlabel “Ar”, dengan tujuan mengesahkan etimologi kata tersebut sebagai kata pinjaman Arab. Kaedah rujuk silang perkataan yang tidak berlabel “Ar” dilakukan terhadap pelbagai kamus lain seperti *A Malay-English Dictionary* oleh Wilkinson (1959), Kamus Bahasa Melayu oleh Winstedt (1960), *Arabic loan-words in Malay* oleh Berg (1979), Ilmu Mengarang Melayu oleh Ahmad (2002), *Loan-words in Indonesian and Malays* oleh Jones (2008) dan Kamus Dewan Edisi Keempat (2015).

Berdasarkan kedua-dua kaedah ini, ditemui 1,884 kata pinjaman Arab dalam KDP. Jumlah ini sedikit berbeza dengan dapatan kajian lepas, misalnya Beg (1979) menemui sejumlah 1,000 kata pinjaman Arab. Mansor (2017) pula berjaya mengumpul 1,242 perkataan Arab dalam Kamus Dewan, manakala Zaidan et al. (2015) menemui sejumlah 1,791 perkataan bahasa Arab yang diserap dalam Kamus Dewan. Perbezaan jumlah kata pinjaman Arab ini disebabkan KDP merupakan kamus bahasa Melayu terbesar dan terlengkap pernah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. KDP dibina melalui pelbagai jenis data, misalnya data korpus DBP, penggunaan kata dalam internet dan pencungkilan maklumat daripada informan terpilih. Terdapat lebih daripada 120 ribu entri dan subentri dalam kamus ini. Kata pinjaman Arab yang telah dikenal pasti dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Entri Kata Pinjaman Arab dalam Kamus Dewan Perdana (2021)

Bil.	Kata	Takrif	Kelas kata	Halaman
1.	abad	1 jangka masa seratus tahun yg berurutan, dikira dr perhijrahan Nabi Muhammad SAW bagi tahun Hijrah, atau kelahiran Nabi Isa a.s. bagi tahun Masihi; kurun: Abad ke-20 dikira dr tahun 1901 hingga tahun 2000. • dlm abad kesembilan Hijrah; • pd abad ke-15 Masihi; 2 jangka masa seratus tahun yg dikira dr satu tarikh ke satu tarikh yg lain; kurun: Rumah yg dibina lebih drp satu abad yg lalu masih diduduki. • Umur datuknya separuh abad. 3 zaman berlakunya peristiwa	Kata nama	1

		penting: Abad Asia; ● abad pertengahan; ● abad humanisme.		
215	azali	1 masa sebelum adanya sst apa pun selain Allah; azal: Sejak azali Allah menetapkan jodoh dan maut setiap makhluk. ● Memang sudah surat azali kita dipertemukan di sini. 2 (bkn Allah) sedia ada tanpa permulaan dan perhinggaan: Sifat zat Tuhan semuanya azali.	1 Kata Nama; 2 Kata Adjektif	163

Jadual 1 menunjukkan terdapat lima ruang, iaitu bilangan, perkataan Arab yang dipinjam, takrif kata tersebut, kelas kata dan halaman untuk kata pinjaman. Bilangan 1, misalnya kata “abad” dikategorikan sebagai kata nama, sementara bilangan 215, dengan kata “azali” terdiri daripada kata nama dan kata adjektif. Pengkategorian kelas kata dalam KDP ditentukan oleh penggunaannya dalam ayat. Kajian ini membincangkan proses peminjaman kata Arab ke dalam bahasa Melayu berdasarkan kelas kata. Misalnya, terdapat perkataan Arab yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu dan kelas katanya tidak berubah. Sebaliknya, ada kata pinjaman Arab yang berubah kelas kata, malah menghasilkan beberapa kelas kata yang berbeza dalam bahasa Melayu, sebagaimana kata “azali”.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan hasil kajian berdasarkan sejumlah data yang telah dikenal pasti. Perbincangan menjurus kepada isu kelas kata pinjaman Arab ke dalam bahasa Melayu dan faktor berlakunya peminjaman bahasa.

Pengkategorian Kata Pinjaman Arab

Berdasarkan penelitian, kata pinjaman Arab dalam Kamus Dewan Perdana (KDP) terdiri daripada kelas kata terbuka dan tertutup. Kelas kata terbuka merangkumi kelas kata utama, misalnya kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverba (Omar, 1986). Kelas kata tertutup pula terdiri daripada kata fungsi (*function words*), misalnya kata hubung, kata sendi, penanda wacana dan partikel. Kelas kata terbuka, iaitu kata nama dan kata adjektif lebih banyak dipinjam berbanding dengan kata tertutup.

Dalam kes peminjaman bahasa, sesuatu bahasa lebih mudah meminjam kelas kata terbuka, misalnya kata nama berbanding dengan kelas kata tertutup, misalnya kata preposisi dan kata hubung (Omar, 1986; Soto-Corominas et al., 2018). Berkaitan dengan kata pinjaman Arab, Jones (2008) menegaskan, “*The grammatical profile of the loans, which are largely nouns and reflect little of the grammatical systems of Arabic or Persian ...*” (hlm. xxiii-xxiv). Dalam perkataan lain, pernyataan ini menjelaskan bahawa kebanyakan kata pinjaman Arab yang diserap ke dalam bahasa Melayu ialah kata nama, dan hanya sedikit memperlihatkan pengaruh sistem gramatikal bahasa Arab atau Parsi.

Jadual 2

Kelas Kata Pinjaman

Kata nama	Kata adjektif	Kata kerja	Kata adverba
akhlak	alim	hadir	khas
akidah	hadam	maklum	mungkin
akhirat	hakiki	sujud	
darjat	istiqamah	mufaraqah	
ustaz	yakin	wafat	

Contoh dalam Jadual 2 memperlihatkan kata pinjaman Arab diserap ke dalam bahasa Melayu dalam semua kelas utama. Selain itu, ditemui sejumlah perkataan yang tiada kelas kata, misalnya *insya-Allah*, *nauzubillah* dan *minalaidinwalfazin*. Data statistik ini menyokong pandangan pengkaji lepas bahawa kata nama adalah terbanyak dipinjam dalam sesuatu bahasa. Perkataan yang dipinjam terdiri daripada kata nama abstrak (akhlak, akidah, darjat) dan kata nama konkrit (ustaz).

Proses peminjaman kata Arab turut melibatkan perubahan kelas kata, seperti contoh ayat berikut yang dipetik daripada KDP (2021, p. 2164):

- (1a) Salina *sujud* lebih lama kerana dia sedang memanjatkan doa. (kata kerja)
(1b) Malaikat itu *wujud*, tetapi mustahil dikesan dengan pancaindera. (kata kerja)

Berdasarkan contoh 1a dan 1b, dalam 363ahasa Melayu, kata “sujud” dan “wujud” berfungsi sebagai kata kerja tak transitif. Bagaimanapun, dalam 363ahasa Arab, kedua-dua kata ini berasal daripada kata nama. Fenomena seperti ini banyak berlaku dalam kes kata pinjaman Arab-Melayu kerana 363ahasa Melayu hanya meminjam perkataan Arab dan disesuaikan mengikut 363ahasa nahu 363ahasa Melayu. Contoh kata pinjaman Arab lain yang berubah kelas kata apabila dipinjam dalam 363ahasa Melayu ialah:

- (2) Kerajaan mengambil pelbagai *ikhtiar* bagi membantu belia memajukan perniagaan mereka. (kata nama)
(3) Mereka melakukan *jihad* yg berterusan dan inilah yg sedang berlaku di Gaza dan beberapa kawasan di Palestin. (kata nama)
(4) Aku mengucapkan *salam* saat bertemu dengannya. (kata nama)

Dalam bahasa Arab, kata “ikhtiar” (*ikhtara*), “jihad” (*jahada*) dan “salam” (*salima*) berasal daripada kata perbuatan atau kata kerja. Bagaimanapun, dalam bahasa Melayu, semua perkataan ini berubah menjadi kata nama, iaitu objek kepada kata kerja transitif, misalnya mengambil (pelbagai *ikhtiar*), melakukan (*jihad*) dan mengucapkan (*salam*).

Kelas kata tertutup pula terdiri daripada awalan, kata ganti nama, kata bantu dan kata bilangan, kata sendi nama dan kata hubung. Gejala peminjaman pelbagai kata fungsi (*content words*) dalam bahasa Melayu, misalnya penambah atau morfem

terikat daripada bahasa asing sebenarnya sudah digunakan secara meluas, contohnya melibatkan kata *isme* dan *pra* (bahasa Latin) dan *pro-*, *anti-* dan *sub-* (bahasa Inggeris).

Akhirnya, pelbagai morfem terikat menjadi satuan tersendiri, dan diimbuhkan kepada kata dasar untuk membentuk perkataan baru seperti “subgolongan” dan “proMelayu” (Omar, 1985, hlm. 301). Bagaimanapun, kata hubung (*and*, *but*) atau kata bilangan (*one*, *two*) tidak dipinjam ke dalam bahasa Melayu. Hal ini berbeza dengan kes bahasa Arab kerana awalan (*ahlil-*, *al-*), kata hubung (*ammabakdahu*, *waima*, *walhal*), kata pangkal ayat (*akhirulkalam*, *alakulihal*, *alhasil*, *hatta*), kata bilangan (*nisfu*), kata ganti nama (*ana*, *anta*) dan kata bantu (*baada*, *imkan*) turut dipinjam ke dalam bahasa Melayu.

Yang menariknya, data kajian menunjukkan wujudnya percampuran kelas kata. Percampuran tersebut melibatkan sekurang-kurangnya dua atau tiga kelas kata yang berbeza, misalnya:

- (5a) Seramai tujuh orang calon *makbul* dalam keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia. (kata kerja)
- (5b) Makkah ialah tempat yang sangat *makbul* untuk membuat permintaan. (kata adjektif)

Kata “makbul” ialah kata nama dalam bahasa Arab. Namun demikian, contoh dalam 5a dan 5b memperlihatkan kata “makbul” berfungsi sebagai kata kerja dan kata adjektif dalam bahasa Melayu. Kata “makbul” dalam contoh 5a bermaksud “lulus” ujian Sijil Tinggi Agama Malaysia, manakala dalam contoh 5b, kata “makbul” merujuk kepada makna “sesuai”. Kata “takwa” dalam bahasa Arab ialah kata nama. Contoh 6a dan 6b menunjukkan kata “takwa” boleh berfungsi sebagai kata nama atau kata adjektif dalam sistem nahu bahasa Melayu.

- (6a) Iman dan *takwa* boleh menjadi faktor utama bagi pembangunan masyarakat cemerlang. (kata nama)
- (6b) Sayidina Abu Bakar ialah sahabat Rasulullah SAW yang sangat *takwa* kepada Allah SWT. (kata adjektif)

Huraian setakat ini menunjukkan bahawa sesuatu kata yang dipinjam daripada bahasa Arab mempunyai lebih daripada satu kelas kata dalam bahasa Melayu, iaitu bergantung kepada konteks penggunaannya. Data kajian ini turut memaparkan penggunaan kata pinjaman Arab, dengan tiga kelas kata yang berbeza dalam bahasa Melayu, iaitu Contoh 7a, 7b dan 7c.

- (7a) Saya perturunkan beberapa contoh *tertib* pergaulan yang perlu diberikan perhatian. (kata nama)
- (7b) Adapun akan duli khalifah terlalu *tertib* berdatang sembah. (kata adjektif)
- (7c) Dia berpakaian *tertib*, selaras dengan tuntutan agama. (kata adverba)

Kata pinjaman “tertib” berasal daripada kelas kata nama dalam bahasa Arab, manakala dalam bahasa Melayu, kata “tertib” telah dikategorikan kepada tiga kelas

kata yang berbeza. Misalnya, contoh 7a menggunakan kata “tertib” sebagai kata nama, sementara dalam contoh 7b, kata “tertib” berfungsi sebagai kata adjektif (kata “terlalu” sebagai kata penguat). Dalam contoh 7c pula, kata “tertib” berfungsi sebagai adverba, iaitu keterangan kepada cara berpakaian.

Isu Pengkategorian Kata Pinjaman Arab

Kajian ini menemui kata pinjaman Arab dalam KDP, yang dikategorikan kelas katanya secara tidak tepat dalam bahasa Melayu, misalnya 8a-8b.

- (8a) “Boleh jadi mereka sudah mendapat bekalan dari sumber yang paling hampir dengan mereka,” *hujah* Saad. (kata nama)
- (8b) Tiada lagi *hujah* bagi manusia untuk meninggalkan ketaatan kepada Allah selepas diutuskan rasul-rasul kepada mereka. (kata nama)

Dalam bahasa Arab, kata “hujah” dikategorikan sebagai kata nama. Contoh 8b menunjukkan kata “hujah” turut berfungsi sebagai kata nama dalam bahasa Melayu. Bagaimanapun, berdasarkan konteks ayat, kata “hujah” dalam contoh 8a bukan kata nama, tetapi ialah kata kerja. Kata “hujah” dalam contoh ini digunakan dalam klausa pelapor, iaitu:

“Boleh jadi mereka sudah mendapat bekalan dari sumber yang paling hampir dengan mereka, (UJARAN)” *hujah* Saad (KLAUSA PELAPOR)

Tujuan klausa pelapor adalah untuk melaporkan siapa yang berkata atau berhujah, iaitu dalam konteks ini, Saad. Kata “hujah” dalam konteks ini bermaksud berdebat. Kata “hujah” boleh juga diganti dengan kata kerja lain yang merujuk kepada proses verbal, misalnya “kata”, “jelas” dan “tegas”. Hal ini berbeza dengan contoh 8b yang menggunakan kata “hujah” sebagai kata nama. Sehubungan dengan itu, kata pinjaman “hujah” seharusnya tergolong dalam dua kelas kata dalam bahasa Melayu, iaitu kata kerja dan kata nama. Perhatikan pula contoh 9a-9b.

- (9a) Kerajaan Kedah sudah membuat keputusan *muktamad* untuk tidak membenarkan konsert itu diadakan. (kata kerja tak transitif)
- (9b) Apakah kata kamu pada Kitab Zawajir karangan Ibnu Hajar, adakah *muktamad* pada kamu atau daif. (kata adjektif)

Kata “muktamad” dalam bahasa Arab tergolong sebagai kata nama. Namun begitu, KDP telah mengkategorikan kata “muktamad”, seperti dalam 9a sebagai kata kerja tak transitif. Jika diperhatikan contoh ayat tersebut, kata kerjanya yang sebenar ialah “membuat”, bukan “muktamad”, iaitu:

Kerajaan Kedah	sudah	membuat	keputusan	muktamad
(subjek)	(kata bantu)	(kata kerja transitif)	(objek)	(keterangan)

Frasa nama “Kerajaan Kedah” berfungsi sebagai subjek ayat. Kata “sudah” yang hadir selepasnya berfungsi sebagai kata bantu kepada kata kerja “membuat”. Seterusnya, kata “membuat” berfungsi sebagai kata kerja transitif, dan “keputusan” sebagai objek. Kata “muktamad” pula berfungsi sebagai unsur keterangan, manakala kelas kata “muktamad” dalam contoh 9b, sebagai kata adjektif adalah sesuai kerana maksudnya sinonim dengan “yakin”. Perhatikan pula penggunaan kata “rela” dalam contoh 10a-10d.

- (10a) Hasnah *rela* berkorban apa saja demi kebahagiaan adik-adiknya. (kata adjektif)
- (10b) Saya tidak *rela* melihat mereka dipisah-pisahkan sesama adik-beradik mereka. (kata adjektif)
- (10c) Puisi ini saksi hamba pernah lalu di sini meminta *rela* guru menimba ilmu. (kata nama)
- (10d) Walaupun hatinya sedih, dia *rela* akan pemergian anaknya itu. (kata kerja tak transitif)

Dalam KDP, perkataan “rela” menghasilkan tiga kelas kata yang berbeza dalam nahu bahasa Melayu, iaitu kata adjektif, kata nama dan kata kerja. Kata “rela” dalam contoh 10c dapat diterima sebagai kata nama kerana kata ini berfungsi sebagai objek kepada kata kerja “meminta”. Bagaimanapun, fungsi kata “rela” dalam 10a, 10b dan 10d kelihatan sama, iaitu sebagai kata adjektif, misalnya:

Hasnah	<i>rela</i>	berkorban apa saja demi kebahagiaan adik-adiknya
Saya	tidak <i>rela</i>	melihat dipisah-pisahkan sesama adik-beradik mereka
Dia	<i>rela</i>	akan pemergiannya anaknya itu
(subjek)	(kata adjektif)	(keterangan)

Dapat diperhatikan, “Hasnah”, “saya” dan “dia” berfungsi sebagai subjek. Kata “rela/tidak rela” pula berfungsi sebagai kata adjektif kerana dari aspek makna, “rela” bermaksud dengan senang hati atau tanpa rasa terpaksa. Perbezaan “rela” dengan “tidak rela” ialah rasa senang hati dan tidak senang hati, manakala unsur yang hadir selepas kata “rela” berfungsi sebagai keterangan ayat. Oleh itu, penggunaan kata “rela” seperti dalam contoh 10a, 10b dan 10d seharusnya dikategorikan sebagai kata adjektif.

Selain itu, kajian ini mendapati bahawa kata pinjaman Arab “muhasabah” telah dikategorikan sebagai kata nama. KDP (2021) telah mengemukakan takrif “muhasabah” sebagai “proses atau perbuatan berfikir secara teliti dan mendalam bagi memperbetul atau memperbaiki diri atau keadaan; introspeksi” (hlm. 1487). Takrif tersebut jelas menyatakan bahawa kata “muhasabah” ialah proses atau perbuatan berfikir. Hal ini bermaksud “muhasabah” bukan merupakan kata nama, tetapi kata kerja yang berlaku pada tahap kognisi atau dalaman. Dalam nahu fungsional, proses atau perbuatan berfikir dinamakan sebagai kata kerja kognisi, misalnya berfikir (*think*), iaitu termasuk dalam kategori proses mental. Dengan ini,

kata “muhasabah” seharusnya dikategorikan sebagai kata kerja, iaitu bersesuaian dengan takrif yang diberikan oleh KDP.

Faktor Peminjaman Bahasa Arab

Faktor peminjaman bahasa boleh dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu peminjaman budaya (*cultural borrowing*) dan peminjaman teras (*core borrowing*). Menurut Myers-Scotton (2006), pinjaman budaya ialah perkataan yang mengisi kekurangan dalam bahasa penerima (*recipient language*) kerana perkataan tersebut digunakan untuk objek atau konsep baru dalam budaya sesuatu bahasa. Sebagai contoh, perkataan “komputer” atau sebarang perkataan yang berkaitan dengan komputer dianggap sebagai pinjaman budaya kerana kebanyakan perkataan yang dicipta adalah baru, termasuk dalam bahasa Inggeris kerana komputer ialah objek baru untuk penutur natif Inggeris. Contoh lain ialah perkataan yang berkaitan dengan pakaian dan makanan, misalnya bahasa Jerman meminjam perkataan *blue jeans* daripada bahasa Inggeris, dan perkataan *pizza* atau *espresso* (Haspelmath, 2003) dipinjam daripada bahasa Itali, atau perkataan *al-Qaeda* dan *intifada*, yang berkaitan dengan peperangan telah dipinjam ke dalam bahasa Inggeris (Darwish, 2015). Dalam perkataan lain, sesuatu bahasa akan meminjam perkataan baru, malah mencipta perkataan baru daripada leksikal yang sedia ada untuk objek baru.

Pinjaman teras pula melibatkan peminjaman perkataan baru yang bertindan, iaitu sedia wujud dalam sesuatu bahasa, misalnya *OK* dalam bahasa Jerman mempunyai maksud yang sama dengan *gut* atau *einverstanden*. Persoalannya, jika perkataan untuk sesuatu objek atau konsep yang sudah sedia ada dalam sesuatu bahasa, mengapa masih ada peminjaman? Myers-Scotton (2006) menjelaskan bahawa salah satu sebab peminjaman berlaku ialah tekanan budaya, iaitu apabila dua bahasa digunakan dalam komuniti yang sama, maka salah satu bahasa akan meningkat statusnya, sementara bahasa yang lagi satu akan hilang daya ketahanannya (*vitality*). Secara sederhana, hal ini bermaksud perkataan yang dipinjam daripada bahasa penyumbang akan menggantikan bahasa penerima kerana dominannya status bahasa tersebut. Misalnya, di Zimbabwe, bahasa Inggeris dan bahasa Shona berfungsi sebagai bahasa rasmi, tetapi penutur natif kadangkala lebih gemar menggunakan perkataan *problem* berbanding *dambudziko*. Hal ini menunjukkan perkataan *problem* digunakan sebagai variasi yang saling menggantikan perkataan *dambudziko* dalam bahasa Shona kerana status bahasa Inggeris yang lebih tinggi. Kes yang hampir sama turut berlaku dalam kalangan penutur di Malaysia, sebagaimana dilaporkan oleh kajian Jaafar dan Mat Awal (2020). Dapat diperhatikan bahawa penutur menggunakan perkataan seperti *sometimes* (kadangkala), *environment* (persekitaran), *jammed* (sesak), *free* (bebas) dan *always* (selalu) dalam contoh 11.

- (11) Sebab saya sudah menetap di Kuala Lumpur lebih 10 tahun so saya selesa dengan keadaan Kuala Lumpur tetapi selalunya bukan tak selesa *sometimes* kita nak *environment* yang berbeza macam ... kereta yang kurang, takde *jammed* atau lebih *freelah* kalau nak *always* nak ... berpindah ke atau nak jalan-jalan *and then* kalau nak bekerja ...

Semua perkataan tersebut dipinjam daripada bahasa Inggeris, dan mempunyai padanannya dalam bahasa Melayu. Hal seperti ini lazim berlaku dalam pertuturan bilingual sebagaimana pernyataan Haspelmath (2003), *“Core borrowings usually begin life in the recipient language when bilinguals introduce them as singly occurring codeswitching forms in the mixed constituents of their codeswitching”* (p. 4). Petikan ini menjelaskan bahawa pinjaman teras lazimnya masuk ke dalam bahasa penerima apabila penutur dwibahasa menggunakan perkataan tersebut sebagai kata tunggal yang bercampur dengan konstituen lain dalam peralihan kod mereka.

Dalam kes bahasa Arab, kajian ini mendapati bahawa kata pinjaman Arab yang diserap ke dalam bahasa Melayu boleh terdiri daripada pinjaman budaya dan pinjaman teras. Namun begitu, kebanyakan perkataan Arab yang dipinjam ialah jenis pinjaman budaya. Kata pinjaman budaya ini terdiri daripada objek atau konsep baru yang tidak wujud dalam budaya Melayu. Contoh pinjaman itu dapat diperhatikan dalam Jadual 3.

Jadual 3

Objek (Benda)

Perkataan	Maksud
<i>rehal</i>	papan bersilang, bangku kecil dsb yang boleh dilipat, tempat meletakkan al-Quran ketika membacanya
<i>alkohol</i>	cecair tanpa warna dan boleh terbakar yang dihasilkan daripada penapaian karbohidrat atau daripada petroleum. Cecair ini digunakan dalam minuman, sebagai pelarut dalam minyak wangi dsb; etanol; etil alkohol
<i>syarab</i>	sejenis minuman keras
<i>sumbuk</i>	sejenis perahu
<i>akhbar</i>	surat khabar
<i>sijil</i>	surat, dokumen atau perakuan rasmi yang dikeluarkan oleh sekolah, pihak berkuasa dsb yg memperakui sesuatu perkara.
<i>kertas</i>	bahan berupa helaian nipis yang dibuat daripada pulpa kayu dsb, yang padanya boleh ditulis, dicetak atau dilukis, dan juga digunakan untnk membungkus, membuat kotak dsb

Berdasarkan Jadual 3, perkataan “rehal” merujuk kepada papan bersilang yang digunakan untuk meletakkan al-Quran. “Alkohol” pula ialah cecair yang digunakan dalam minuman atau pelarut minyak wangi. Hal ini bermaksud alkohol tidak sama dengan “arak”, yang hanya merujuk kepada minuman beralkohol. Begitu juga dengan perkataan “syarab” dan “sumbuk”, yang merujuk kepada sejenis minuman keras dan sejenis perahu. Perkataan ini agak baru dalam masyarakat Melayu. Seterusnya, kata “akhbar”, “sijil” dan “kertas” merujuk surat bertulis atau bercetak.

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, kebanyakan perkataan Arab yang dipinjam ke dalam bahasa Melayu berkaitan dengan agama Islam. Contohnya, perkataan “iftar” (berbuka puasa), “sahur”, “tarawih” dan “umrah” secara langsung

berkaitan dengan aktiviti ibadah. Perkataan “akidah” dan “syirik” pula berhubungan dengan kepercayaan kepada Allah. Seterusnya, kata “ratib” dan “takbir” ialah zikir atau kalimah yang dilafazkan untuk mengagungkan Allah. Semua perkataan ini ialah konsep baru yang masuk ke dalam bahasa Melayu bersama-sama Islam.

Selain meminjam perkataan yang berkaitan dengan objek dan konsep tertentu, yang paling banyak ditemui ialah kata pinjaman Arab yang merujuk kepada aktiviti keagamaan. Contoh dalam Jadual 4 memperlihatkan kata pinjaman Arab digunakan dalam pelbagai konteks atau domain. Misalnya, kata “riba” dan “saham” lazim digunakan dalam bidang ekonomi. Kata “syarat” digunakan dalam konteks perundangan, kata “tamadun” merujuk kepada tema budaya dan sejarah, manakala kata “algebra” berkaitan dengan subjek matematik atau pendidikan. Kata “riadah” pula termasuk dalam domain sukan atau permainan.

Jadual 4
Konsep (Aktiviti Bukan Keagamaan)

Perkataan	Maksud
<i>riba</i>	bayaran tambahan atau lebihan dlm bentuk wang, barang dsb tanpa mengikut hukum syarak dlm urusan peminjaman, jual beli dsb yang dikenakan atau diambil oleh pemiutang, dan hukumnya haram dalam Islam
<i>saham</i>	bahagian modal berserta jumlah keuntungan yg terkumpul yang dimiliki oleh seseorang dalam syarikat, dan pemegangnya berhak mendapat dividen daripada keuntungan syarikat; syer
<i>syarat</i>	undang-undang, rukun, peraturan dsb yang mesti dipatuhi
<i>riadah</i>	segala kegiatan yang dilakukan pada waktu lapang yang menyeronokkan, menyihatkan badan dan menenangkan fikiran, spt bersenam, bermain dan berkelah; rekreasi
<i>tamadun</i>	keadaan atau tingkat kehidupan yang maju dari segi fizikal, mental dan rohani; peradaban
<i>algebra</i>	cabang matematik yang menggunakan huruf dan lambang untuk mewakili angka atau kuantiti dalam formula dan persamaan.

Berikut dibincangkan pula contoh peminjaman bahasa Arab yang berkaitan dengan pinjaman teras. Berdasarkan penelitian terhadap KDP, terdapat agak banyak perkataan pinjaman Arab yang bertindan (*duplicate*) dengan perkataan yang sedia ada dalam bahasa Melayu, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5
Pinjaman Teras

Kata pinjaman Arab	Kata sedia ada dalam BM
<i>rih</i>	<i>angin</i>
<i>sajak</i>	<i>puisi</i>
<i>saif</i>	<i>pedang</i>
<i>wafat</i>	<i>mati</i>

<i>bakhil</i>	<i>kedekut</i>
<i>warkah</i>	<i>surat</i>
<i>tahayul</i>	<i>karut</i>
<i>takrif</i>	<i>definisi</i>
<i>solat</i>	<i>sembahyang</i>
<i>sultan</i>	<i>raja</i>
<i>askar</i>	<i>tentera</i>
<i>khinzir</i>	<i>babi</i>

Perkataan “sajak”, “wafat”, “bakhil”, “warkah”, “tahayul”, “takrif”, “solat”, “sultan”, “askar” dan “khinzir” ialah sinonim dengan perkataan “puisi”, “mati”, “kedekut”, “surat”, “karut”, “definisi”, “sembahyang”, “raja”, “tentera” dan “babi”, malah sering digunakan dalam wacana bahasa Melayu. Haspelmath (2009) mengemukakan pertanyaan tentang isu pinjaman teras; “*Why should speakers use a word from another language if they have a perfectly good word for the same concept in their own language?*” Soalan ini relevan kerana mengapakah perlu meminjam daripada bahasa lain, jika dalam bahasa penerima sudah ada perkataan yang digunakan untuk konsep yang hampir sama? Jawapan yang mungkin sesuai untuk persoalan ini ialah pinjaman teras berlaku kerana faktor prestijnya bahasa penyumbang (*donor language*). Misalnya, perkataan “definisi” dilihat mempunyai lebih ciri saintifik dan prestij berbanding “takrif”. Sebab lain ialah nilai estetik yang ada pada sesuatu perkataan, misalnya “puisi” berbanding “sajak”.

Selain itu, kata pinjaman Arab mempunyai konotasi yang lebih baik berbanding perkataan yang sedia ada dalam bahasa Melayu, misalnya perkataan “wafat”, “warkah” dan “khinzir” lebih sopan digunakan berbanding “mati”, “surat” dan “babi”. Faktor lain peminjaman leksikal ialah penjelasan (*clarification*), kesan (*impact*) dan ketepatan (*precision*) (Soto-Corominas et al., 2018). Sebagai contoh, kata pinjaman Arab “solat” didapati lebih jelas dan tepat berbanding “sembahyang”. Dari segi definisi, perkataan “solat” merujuk kepada ibadat yang dimulai dengan niat semasa *takbiratulihram*, diikuti dengan perbuatan seperti rukuk, sujud dan membaca bacaan tertentu, dan disudahi dengan salam. Sebaliknya, perkataan “sembahyang”, yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit, secara etimologinya merupakan gabungan perkataan “sembah + yang”. Kata “yang” merujuk kepada patung. Maka, perkataan “sembahyang” sebenarnya bermaksud menyembah “yang”. Hal ini bermaksud kata “solat” lebih jelas dan tepat dengan konsep ibadah dalam Islam.

Bagaimanapun, ada juga kata pinjaman Arab yang jarang digunakan, sama ada dalam pertuturan atau penulisan bahasa Melayu, misalnya perkataan “rih” dan “saif”. Menurut KDP, kata yang sedia ada dalam bahasa Melayu untuk kata “rih” ialah “angin”, sementara “saif” merujuk kepada “pedang”. Sebenarnya, hal ini pernah dibincangkan oleh kajian Zaidan et al. (2015), yang mendapati bahawa hampir 44% kata pinjaman Arab yang terdapat dalam Kamus Dewan jarang atau langsung tidak digunakan.

Kesimpulan

Makalah ini telah memperlihatkan bahawa bahasa Melayu bersifat fleksibel, iaitu terbuka meminjam perkataan daripada bahasa lain. Perkataan Arab yang dipinjam terdiri daripada pelbagai kelas kata, misalnya kata pangkal ayat, kata ganti nama, kata bilangan dan kata bantu. Hal ini menunjukkan kata pinjaman Arab lebih mudah diterima pakai dalam bahasa Melayu berbanding bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris. Dari aspek gramatikal pula, bahasa Melayu tidak dipengaruhi oleh sistem nahu bahasa Arab, dan begitu juga sebaliknya. Maksudnya, bahasa Melayu hanya meminjam perkataan bahasa Arab, dan disesuaikan dengan sistem nahu bahasa Melayu. Misalnya, jika perkataan Arab yang dipinjam adalah dari jenis kata nama, perkataan tersebut boleh sama ada dikekalkan atau berubah kelas katanya. Selain itu, sesuatu kata pinjaman Arab itu tidak terikat dengan kelas kata tertentu, iaitu boleh dikategorikan dalam beberapa kelas kata yang berbeza dalam bahasa Melayu, misalnya "takwa" dan "tertib". Perbincangan dalam makalah ini telah juga membuktikan bahawa terdapat sejumlah perkataan pinjaman Arab yang telah dikategorikan secara tidak tepat, misalnya "hujah" dan "muktamad". Kajian ini mencadangkan supaya pengkategorian kelas kata harus berdasarkan konteks penggunaannya dalam ayat. Keterbukaan bahasa Melayu meminjam perkataan daripada bahasa lain turut memperlihatkan berlakunya peminjaman teras, iaitu kata pinjaman Arab bertindan dengan perkataan yang sedia ada dalam bahasa Melayu. Makalah ini telah menjelaskan faktor yang menyebabkan peminjaman teras berlaku, misalnya faktor prestij, estetik, sopan dan ketepatan maksud dalam konteks tertentu.

Penghargaan

Makalah ini ialah hasil daripada kajian yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, projek geran DP KPT (FRGS/1/2021/SS10/UM/02/11). Projek ini bertajuk *Pengklasifikasian domain semantik kosa kata pinjaman bahasa Arab dan korelasinya dengan kod Jawi*.

Rujukan

- Abas, N. A., Abusahyon, A. S., & Sahad, M. N. (2019). Semantically divergent meaning of Arabic loanwords in the Malay language. *The 5th International Conference on Linguistics, Literature and Culture (ICLLIC 2019), George Town, Penang, Malaysia*, 1-35.
- Abdullah, I., & Abdullah, I. H. (2018). Kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu analisis kajian dari sudut perubahan morfologi. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(3), 43-50.
- Ahmad, Z. A. (2002). *Ilmu mengarang Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Jarf, R. (2021). Arabic and English loan words in Bahasa: Implications for foreign language pedagogy. *Journal La Edusci*, 2(4), 23-35.
- Bates, H. L. (2002). Language, borrowing and language diffusion: An overview. *Intercultural Communication Studies XI*, 4, 1-37.

- Beg, M. A. J. (1979). *Arabic loan-words in Malay: A comparative study*. University of Malaya Press.
- Darwish, H. M. (2015). Arabic loan words in English language. *IOSR Journal of Humanities and Social Science*, 20(7), 105-109.
- Haja Mohideen, S. (2006). *A study of English loan words in selected bahasa Melayu newspaper articles*. [Master's thesis, International Islamic University Malaysia].
- Haspelmath, M. (2003). Loanword typology: Steps toward a systematic cross-linguistic study of lexical borrowability. https://www.academia.edu/22872080/Loanword_typology.
- Haspelmath, M. (2009). Lexical borrowing: Concepts and issues. In Haspelmath, M. & Tadmor, U. (Eds.), *Loanwords in the world's languages: A comparative handbook*. De Gruyter Mouton.
- Jaafar, M. F., & Mat Awal, N. (2020). Variasi linguistik di Greater KL. *Gema Online Journal of Language Studies*, 20(2), 83-95.
- Jones, R. (2008). *Loan-words in Indonesian and Malay*. Yayasan Obor Indonesia.
- Mansor, I. (2017). The systemic rules of Malay standard borrowing from Arabic: Guidelines for linguists and translators. *Issues in Language Studies*, 6(2), 78-90.
- Mat Lazim, N. H., & Syed Jaafar, S. R. (2018). Delikuidasi kata pinjaman Arab dalam dialek Kelantan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(4), 236-250.
- Mohamad Din, N. Z., & Baharudin, H. (2016). Kata pinjaman Arab sebagai strategi meneka makna kata al-Quran. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Isu-isu Pendidikan Islam*, 508-514. Persatuan Intelektual Muslim Malaysia
- Mohd Shariff, A. (1988). Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu. *Sekata*, 5(1), 20-33.
- Mulyani, R., & Mohd Noor, N. (2018). Language in contact: A study of Arabic loanwords in Malay/Indonesian language. *International Journal of Cultural and Art Studies*, 1(1), 36-40.
- Myers-Scotton, C. (2006). *Multiple voices: An introduction to bilingualism*. Blackwell Publishing.
- Nisa, A. N. I. (2018). Pergeseran pada kata pinjaman bahasa Arab di komunitas Arab. *At-Tuhfah, Jurnal Keislaman*, 7(2), 34-44.
- Omar, A. H. (1985). *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan bahasa Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. H. (1986). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sapar, A. A., Salim, N. R., Husin, A. F., & Pa, M. T. (2013). Penguasaan pelajar sekolah menengah terhadap kata pinjaman bahasa Arab berasaskan pengetahuan sedia ada. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 48-59.
- Soto-Corominas, A., de la Rosa, J., & Suarez, J. L. (2018). What loanwords tell us about Spanish (and Spain). *Digital Studies/Le champ numerique*, 8(1), 1-29.
- Wilkinson, R. J. (1959). *A Malay-English dictionary*. Macmillan & Co.
- Windstedt, R. O. (1960). *Kamus Bahasa Melayu*. Maricon & Sons.

- Zaidan, N. A., Zailani, M. A., & Ismail, W. M. (2015). Absorption of Arabic words in Malay language. *International Journal of Sustainable Development*, 8(3), 51-58.
- Zakaria, M. H. Mezah, C. R., & Ismail, M. Z. (2017). Penggunaan kata pinjaman Arab dalam puisi Melayu. *Jurnal Kemanusiaan*, 15(1), 69-74.